

Kutipan terakhir RM2,228,069.51

Archival News | Utusan Malaysia | 12/03/2009 | Author: MUZDALIFAH MUSTAPHA

muzdalifah.mustapha@utusan.com.my

Dakap ditutup secara rasmi catat jumlah di luar jangkaan

KUALA LUMPUR 11 Mac - Tabung Dana Kemanusiaan Palestin (Dakap) yang ditutup secara rasmi hari ini mencatat kutipan di luar jangkaan apabila sejumlah RM2,228,069.51 dikumpul hasil sumbangan pelbagai pihak yang prihatin dengan kesengsaraan rakyat Palestin.

Dakap anjuran Kumpulan Utusan dan Islamic Relief Malaysia (IRM) yang dilancarkan

pada 8 Januari lalu berjaya melepasi sasaran awal kutipan sebanyak RM500,000 sahaja.

Sejak dilancarkan dua bulan lalu, Dakap mendapat sambutan rakyat pelbagai kaum

yang tidak putus-putus menyalurkan sumbangan untuk membantu rakyat Palestin.

Pengurus Negara IRM, Zawahir Abdullah yang terharu dengan sambutan memberangsangkan itu memuji sikap murah hati rakyat Malaysia terutama orang biasa dan murid sekolah untuk menderma kepada tabung itu.

Katanya, di sebalik sasaran awal RM500,000, kutipan Dakap terus meningkat menerusi sumbangan orang ramai yang menganjurkan pelbagai aktiviti bagi mengutip

sumbangan.

Katanya, antara aktiviti yang dijalankan termasuk Kembara Amal Jelajah Malaysia

Selamatkan Palestin yang menjelajah seluruh Semenanjung dengan motosikal untuk

mengutip derma.

"IRM mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan Kumpulan Utusan dan

rakyat Malaysia atas sokongan mereka kepada Dakap," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan ringkas pada Majlis Penutupan Tabung Dakap

di Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Bhd., di sini hari ini.

Majlis itu dihadiri Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan, Tan Sri Mohamed Hashim

Ahmad Makaruddin; Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan, Mohd. Nasir Ali; dan Ketua

Pengarang Kumpulan Utusan, Datuk Aziz Ishak.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Othman Mohamad dan Pengarah Projek Kembara Amal, Azizi Hashim.

Zawahir berharap, pada masa akan datang, IRM dapat terus berkerjasama dengan Kumpulan Utusan untuk membantu mangsa-mangsa yang ditimpa bencana.

Sementara itu, Mohamed Hashim berkata, Kumpulan Utusan gembira dan terharu dengan kerjasama semua pihak yang terlibat mengumpulkan dana untuk Dakap.

Kata beliau, respons yang diberikan oleh seluruh rakyat Malaysia amat menggalakkan apabila jumlah kutipan melebihi RM2 juta.

"Tanpa sokongan masyarakat Malaysia termasuk kakitangan kerajaan, kariah masjid,

pelajar-pelajar, golongan korporat dan orang perseorangan, Dakap tidak akan

mencapai matlamatnya," katanya.

Katanya, Kumpulan Utusan juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak

yang menyalurkan sumbangan untuk Dakap.

Beliau yakin hasil kutipan itu akan digunakan dengan sebaik-baiknya bagi membantu rakyat Palestin serta meringankan bebanan mereka.

Mohamed Hashim turut berterima kasih kepada Kementerian Luar dan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan kerana bekerjasama menjayakan Malam

Puisi di Bawah Langit Gaza pada pertengahan bulan lepas.

"Kumpulan Utusan berbesar hati jika IRM ingin mengadakan kerjasama dengan pihak

kami untuk menjalankan kerja-kerja amal. Pihak kami mengucapkan terima kasih kepada IRM kerana telah memilih Kumpulan Utusan," katanya.

Dalam pada itu, walaupun kutipan Dakap telah berakhir, ia masih terus menerima

sumbangan pelbagai pihak hari ini.

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyerahkan sumbangan daripada 23 sekolah angkatnya

berjumlah RM8,406.25.

Menurut Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal Korporat, Ismail Abdul Rahman, sumbangan itu hasil kutipan daripada pelajar-pelajar sekolah angkat TNB di seluruh negara terutama di kawasan pedalaman.

Sementara itu, sejumlah RM7,307.67 telah disumbangkan oleh Desaku Maju Marketing.

Selain itu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya berjaya mengutip

derma daripada warga sekolah itu sebanyak RM1,000.

Di Pahang, pihak IRM menerima sumbangan RM982 daripada SMK Tengku Ampuan Fatimah, Pekan.

CAPTION:

MOHAMED Hashim Ahmad Makaruddin (dua dari kanan) menyerahkan kutipan tabung Dakap kepada Zawahir Abdullah sambil diiringi Mohd. Nasir Ali (kiri) dan Azizi

Hashim di Ibu Pejabat Utusan Melayu, Kuala Lumpur, semalam.

(Source : Utusan Malaysia)